

Bahagian A

Morfologi/ Frasa/ Sintaksis/ Peribahasa




Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Firdaus menampal surat panggilan mesyuarat Kelab Pencinta Alam _____ papan kenyataan berdekatan dengan kantin sekolah.
 A ke C pada
 B atas D kepada

2.



Kita hendaklah menutup makanan dengan tudung saji agar tidak _____ lalat.

- | | |
|--------------|--------------|
| A dikerumuni | C disinggahi |
| B dihindangi | D didekati |

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

3. I Kejelitaan Ainon tidak *luntur* walaupun dia semakin tua.
 II Warna baju kesayangan ibu *luntur* akibat terkena bahan kimia.
 III Kegigihan Devi untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam ujian tidak *luntur* walaupun dia terpaksa menghadapi beberapa halangan.

IV Dia berasa *luntur* untuk menegur kawannya itu selepas peristiwa pahit yang berlaku.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

4. I Kedatangan murid-murid ke sekolah pada pagi ini *dingin* sekali kerana hujan turun dengan lebatnya sejak pagi tadi.
 II Datuk sedang mencari selimut untuk melindungi dirinya daripada *dingin*.
 III Sambutan Hari Guru di sekolah saya pada tahun ini agak *dingin* jika dibandingkan dengan tahun lalu.
 IV Sejak peristiwa itu, Danish bersikap *dingin* terhadap saya.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5. Suasana di dalam rumah Encik Maniam agak riuh-rendah apabila anak cucunya pulang bersempena dengan perayaan Deepavali.

- A riuh bila
- B riuh apabila
- C riuh-rendah bila
- D riuh-rendah apabila

6. Pihak polis sedang giat memburu sekelompok penjenayah yang mempercayai terlibat dengan sindiket pengedaran dadah di ibu negara.
- A segerombolan penjenayah yang mempercayai
 - B sekumpulan penjenayah yang dipercayai
 - C seangkatan penjenayah yang dipercayai
 - D sekelompok penjenayah yang mempercayai

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Rumah-rumah yang dibina di Taman Baiduri besar sungguh.
 II Pak Tua bersyukur kerana menerima bantuan daripada penduduk kampung.
 III Kakak yang sedang leka menonton televisyen terkejut apabila disergah oleh abang.
 IV Adik lancar membaca setiap-tiap perkataan yang disebut oleh ayah.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja
8. I Zahara amat meminati penyanyi nombor satu negara itu.
 II Amin dikehendaki untuk berjumpa dengan kaunselor sekolah kerana prestasi akademiknya semakin merosot.
 III Harimau Malaya antara haiwan yang diancam oleh pupus.
 IV Azmir ke pejabat pos untuk mengirinkan hadiah pada rakannya yang tinggal di Muar, Johor.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

9. **Persatuan Ibu Bapa dan Guru akan membantu pihak sekolah menjalankan pelbagai aktiviti kebajikan.**
- A Aktiviti kebajikan akan dilaksanakan oleh pihak sekolah kerana Persatuan Ibu Bapa dan Guru berhasrat untuk membantu.
 - B Persatuan Ibu Bapa dan Guru akan bertanggungjawab untuk menjalankan pelbagai aktiviti kebajikan di sekolah.
 - C Pelbagai aktiviti kebajikan akan dibantu oleh pihak sekolah bersama dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru.
 - D Pelbagai aktiviti kebajikan yang dijalankan oleh pihak sekolah akan dibantu oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

10. Rozita melonjak kegembiraan apabila abangnya menghadiahkan sepasang kasut sukan yang sudah lama diidam-idamkannya.

Situasi di atas sesuai dengan peribahasa

- A seperti kera mendapat bunga.
- B bagai pungguk merindukan bulan.
- C kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan.
- D orang mengantuk disorongkan bantal.



Pemahaman Petikan

Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah.

Aku

Tidak ada manusia lain
di pantai ini
kecuali diriku.

Kusur pasir panjang
sambil kubayangkan
aku ini Adam.

Hari inilah aku tercipta
dan pertama kali melihat
laut, langit, dan pohon.

Kelmarin aku belum ada
tidak terdengar olehku
bunyi ombak itu.

Tidak terasa olehku
sentuhan angin ini
bertiup di mana-mana.

Bahkan aku tidak tahu
kulit kerang dan ru
pernah wujud di sini.

Tuhan
aku percaya Kau Pencipta
kerana aku baru ada.

Dipetik daripada Antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

11. Berdasarkan petikan sajak, perkataan *susur* bermaksud

A berjalan di sepanjang tepi.
B berjalan sambil berkhayal.
C berlari di sepanjang tepi.
D berlari sambil bergurau.

12. Apakah maksud rangkap pertama sajak di atas?

A Hanya diri penyajak yang berada di pantai itu.
B Hanya penyajak dan rakan-rakannya yang berada di pantai itu.
C Hanya penyajak dan keluarganya yang berada di pantai itu.
D Hanya penyajak dan guru-gurunya yang berada di pantai itu.

13. aku percaya Kau Pencipta

Unsur gaya bahasa yang terdapat dalam baris sajak di atas ialah

A personifikasi. C metafora.
B hiperbola. D sinkope.

14. Berdasarkan sajak di atas, bagaimanakah penyajak membayangkan dirinya?

A Rajin kerana sentiasa menyusuri pantai pada setiap petang
B Berada dalam kesunyian kerana disisihkan oleh ibu bapanya
C Bertanggungjawab kerana sentiasa membersihkan kawasan pantai
D Dicipta pada hari tersebut dan buat pertama kalinya dia dapat melihat laut, langit, dan pohon

15. Ciri-ciri sajak yang berikut terdapat dalam sajak ini **kecuali**

A berbentuk bebas.
B terdiri daripada tujuh rangkap.
C jumlah suku kata antara dua hingga enam suku kata sebaris.
D jumlah perkataan antara satu hingga empat patah perkataan sebaris.